




MANUAL KHUTBAH JUMAAT



TAJUK ; SULTAN ADIL DAN BIJAK DAMBAAN RAKYAT



ISLAMIC - SALVOUR - OBEDIENCE

Unit Khutbah
Bahagian Pengurusan Masjid
Jabatan Agama Islam Selangor



"ANAK MASA DEPAN KITA, APA PERANAN KITA".1

<p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِي الْأَمْرِ مِنْكُمْ فَإِن تَنَزَعْتُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِن كُنتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ذَلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا ﴿٥٩﴾</p>	2
<p>أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى ءَالِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.</p>	3
<p>أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ! أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.</p>	4
<p>قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾</p>	
<p>Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,</p> <p>Saya berpesan kepada diri saya dan hadirin jemaah sekalian marilah bersama-sama kita memperkasakan ketakwaan kepada Allah SWT dengan sebenar-benar takwa dengan melaksanakan segala perintah dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita mendapat kejayaan di dunia dan akhirat.</p>	5
<p>Bersempena Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor yang ke-76 pada 11 Disember 2021 ini, maka hayatilah khutbah yang akan disampaikan yang bertajuk "SULTAN ADIL DAN BIJAK DAMBAAN RAKYAT."</p> <p>Hadirin Jumaat yang berbahagia sekalian,</p>	6



<p>Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor merupakan hari sambutan rasmi keputeraan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor yang disambut oleh setiap lapisan rakyat sebagai tanda kesyukuran kewujudan institusi Istana di Negeri Selangor sebagai institusi penting yang menjadi tunggak kedaulatan Negeri Selangor dan rakyat seluruhnya. Ketaatan kepada Sultan yang memerintah adalah asas pembinaan dan kelangsungan ketamadunan Melayu Islam dan kepelbagaian ras dan agama di rantau ini. Begitulah halnya yang berlaku di Negeri Selangor.</p>	7
<p>Pemerintahan Kesultanan Melayu terbukti menjadi asas pembinaan ketamadunan Melayu Islam sejak sekian lama. Institusi Raja tidak dapat dipisahkan dengan masyarakat Melayu kerana Sultan mahupun rakyat saling memerlukan antara satu sama lain. Konsep dan amalan ini selari dengan Negara Malaysia sebagai negara yang berdaulat, mengamalkan sistem demokrasi berparlimen dan Raja berperlembaagn berteraskan konsep Rukun Negara yang mempromosikan Kesetiaan Kepada Raja dan Negara.</p> <p>Muslimin yang dirahmati Allah,</p>	8
<p>Duli Yang Maha Mulia Sultan merupakan pentadbir dan ketua agama Islam yang menyambung amanah yang dilaksanakan oleh para Anbia' dan Rasul dalam memelihara kesucian agama Islam. Sebagai orang Mukmin kita wajib mentaati Sultan, Raja atau Khalifah yang disebutkan sebagai Ulil Amri.</p>	9
<p>Penegasan ini dirakamkan oleh Allah SWT dalam surah al-Nisa' ayat 59 yang dibacakan pada awal khutbah ini yang bermaksud:</p> <p><i>"Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada "Ulil-Amri" (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu."</i></p>	10



<p>Ketaatan kepada Ulil Amri dilihat bagi menjamin kesejahteraan hidup masyarakat dan negara menjadi <i>Baldatun Tayyibatun wa Rabbun Ghafur</i> (Negara yang baik dan mendapat keampunan Allah SWT). Penegasan ketaatan kepada Sultan, Raja dan ulil Amri juga dinyatakan oleh Rasulullah SAW. Baginda menyeru kepada ketaatan kepada pemimpin yang mementingkan kestabilan, keharmonian dan kemaslahatan rakyatnya.</p>	11
<p>Dalam satu hadis daripada Abu Hurairah Radiallahu'anhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:</p> <p style="text-align: center;">وَمَنْ يُطِيعِ الْأَمِيرَ فَقَدْ أَطَاعَنِي، وَمَنْ يَعُصِ الْأَمِيرَ فَقَدْ عَصَانِي</p>	12
<p><i>"Barangsiapa yang taat kepada pemimpin, maka dia telah taat kepadaku dan sesiapa yang menderhakai pemimpin maka dia telah derhaka kepadaku."</i></p> <p style="text-align: right;"><i>(Riwayat al-Bukhari).</i></p>	16
<p>Sebagai pemimpin umat Islam, Rasulullah SAW mementingkan keadilan dan berlaku adil pada setiap dimensi kehidupan. Jelas, kepimpinan bukan hanya sekadar perjanjian antara pemimpin dengan masyarakat tetapi ia juga merupakan ikatan perjanjian antara pemimpin dengan Allah SWT, dan sebagai seorang pemimpin hendaklah mementingkan keadilan dalam melaksanakan sesuatu tanggungjawab. Manakala, dari aspek kepatuhan dan kesetiaan kepada pemimpin, kita dapat melihat para sahabat Nabi SAW sangat patuh dan setia kepada baginda Nabi SAW. Ketaatan mereka menjadi kunci dan asbab jalan ke syurga Allah tanpa alpa dan lalai dalam melaksanakan perintah dan menjauhi larangan Allah SWT.</p>	17



Antara ciri keunggulan kepimpinan Rasulullah SAW sebagai ketua masyarakat dan negara, baginda sentiasa menyeru kepada melakukan kebaikan, meluangkan masa, menyelami emosi dan berkongsi rasa, mencari masa dan konsisten mendidik para sahabat tentang ilmu dunia dan akhirat. Sebagai pemimpin, Rasulullah SAW berusaha untuk menghayati rakyatnya yang susah, membantu mereka semampu mungkin dan menyantuni keperluan rakyat. Ini adalah sifat semulajadi atau fitrah yang dianugerahkan kepada Baginda SAW.

18

Perkara ini direkodkan oleh Saidatina Khadijah ketika wahyu mula-mula wahyu diturunkan.

وَاللَّهِ مَا يُخْزِيكَ اللَّهُ أَبَدًا، إِنَّكَ لَتَصِلُ الرَّحِمَ، وَتَحْمِلُ الْكَلَّ، وَتَكْسِبُ
الْمَعْدُومَ، وَتَقْرِي الضَّيْفَ، وَتُعِينُ عَلَى نَوَائِبِ الْحَقِّ.

19

"Demi Allah, Allah tidak akan mensia-siakanmu. Sesungguhnya engkau adalah orang yang menghubungkan silaturrahim, membantu orang yang kesusahan, mengusahakan bagi yang kehilangan, menyantuni orang yang lemah, memuliakan serta membantu mereka yang menegakkan kebenaran."

(Riwayat al-Bukhari).

20



Hadirin sekalian,

Sebagai rakyat yang taat setia kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan, kita perlu menerima dengan hati terbuka setiap apa yang telah dititahkan oleh Tuanku Sultan. Ini kerana, titah Sultan merupakan kemaslahatan untuk rakyat. Janganlah kita meremehkan dan menyalahkan perintah dan arahan Ulil Amri. Kita sering mempersoalkan sesuatu perkara yang kita tidak suka kerana tidak selari dengan kehendak kita. Ini dapat dilihat dalam isu pengawalan pergerakan jemaah ke masjid dan pengambilan vaksin yang sering mencetuskan tohmahan dan fitnah. Akhirnya timbul pelbagai andaian dan kekeliruan dalam kalangan masyarakat berhubung pengambilan vaksin dengan fakta berita yang tidak tepat disebarkan sehingga meresahkan masyarakat.

21

Jauhilah perbuatan provokasi dan manipulasi fakta dimedia-media sosial dengan mempertikaikan penyampaian arahan Ulil Amri semata-mata untuk kepentingan peribadi dan mempengaruhi orang lain. Ini selaras sebagaimana telah diperkenankan oleh D.Y.M.M Sultan Selangor pada 28 September 2021 telah memutuskan, hukum penggunaan vaksin Covid-19 adalah harus dan ianya wajib diambil oleh golongan yang ditetapkan oleh kerajaan. Oleh itu, segala tuduhan yang dilemparkan perlu dihentikan kerana ia tidak membawa kebaikan kepada umat Islam.

22

Justeru, marilah kita membina keyakinan untuk mematuhi arahan Ulil Amri terutama sekali pada perkara-perkara yang mendatangkan kebaikan dan kesejahteraan hidup kita.

23



Hadis daripada Abdullah bin Umar Radiallahu'anhuma bahawa Rasulullah SAW bersabda:

السَّمْعُ وَالطَّاعَةُ عَلَى الْمَرْءِ الْمُسْلِمِ فِيمَا أَحَبَّ وَكَرِهَ مَا لَمْ يُؤْمَرْ بِمَعْصِيَةٍ
فَإِذَا أُمِرَ بِمَعْصِيَةٍ فَلَا سَمْعَ وَلَا طَاعَةَ

24

"Mendengar dan mentaati (pemerintah) adalah wajib bagi setiap Muslim, sama ada dalam perkara yang disukai ataupun yang tidak disukai selagi tidak diperintahkan melakukan kemaksiatan. Jika dia diperintahkan melakukan kemaksiatan, maka tidaklah (wajib) dia mendengar dan mentaati".

25

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim).

Sebagai rakyat di Negeri Selangor, marilah kita mendukung hasrat dan aspirasi Sultan yang dikasihi untuk membangunkan dan memakmurkan Negeri Selangor ibarat serumpun bak serai, sesusun bak sirih. Di samping itu, kita mengimpikan keamanan dan kesejahteraan Negeri Selangor dari segala musibah khususnya terhadap penyakit berbahaya Covid-19. Rakyat perlu bersyukur kerana dikurniakan Duli Yang Maha Mulia Sultan yang berwibawa, prihatin, adil dan konsisten memperkasakan Amar Ma'ruf Nahi Munkar serta memartabatkan syariat Islam di Negeri Selangor berteraskan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah.

Justeru, pada hari jumaat yang mulia ini seluruh rakyat merafak sembah dan setinggi-tinggi ucapan tahniah kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor sempena Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah al-Haj Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah al-Haj yang ke-76. Semoga Allah memberkati dan melanjutkan usia baginda Tuanku dalam menjaga kebajikan rakyat dan keamanan di Negeri Selangor.



Kesimpulan yang dapat diambil daripada khutbah :

1. Orang mukmin yang beriman wajib mentaati Sultan, Raja atau Khalifah yang ditegaskan oleh al-Quran sebagai Ulil Amri.
2. Umat Islam hendaklah taat kepada Ulil Amri, bagi menjamin kesejahteraan hidup masyarakat dan negara agar menjadi *Baldatun Tayyibatun wa rabbun Ghafur* (Negara yang baik dan mendapat keampunan Allah SWT).
3. Umat Islam hendaklah sedar bahawa pemimpin yang adil mendapat kemuliaan daripada Allah SWT di akhirat dengan mendapat naungan-Nya.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤَدُّوا الْأَمَانَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ
النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ إِنَّ اللَّهَ نِعِمَّا يَعِظُكُمْ بِهِ إِنَّ اللَّهَ كَانَ
سَمِيعًا بَصِيرًا ﴿٥٨﴾

"Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya), dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah dengan (suruhan-Nya) itu memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah sentiasa Mendengar, lagi sentiasa Melihat."

(Surah al-Nisa: 58).



بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.	29
أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْعَفُورُ الرَّحِيمُ	30



KHUTBAH KEDUA

<p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،</p>	1
<p>وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.</p>	2
<p>أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.</p>	3
<p>Sekali lagi khatib ingin mengingatkan supaya sama-sama kita sentiasa bertakwa kepada Allah SWT dengan mengawasi diri dan keluarga kita daripada perbuatan keji dan maksiat. Dalam masa yang sama kita terus berdoa agar seluruh negara kita sentiasa dirahmati dan dilindungi daripada segala bentuk ancaman serta penularan wabak Covid-19.</p>	5
<p>Mudah-mudahan kita tergolong dalam kalangan hamba-hamba Allah yang bersabar ketika menempuh segala penyakit yang menimpa, berdisiplin dengan sentiasa mematuhi SOP dan ambillah pengajaran atas apa yang berlaku, berhati-hati dan beringatlah selalu walau kita diberi kebebasan untuk bergerak. Ini kerana Negara masih memerangi wabak Covid-19 ini demi keselamatan diri kita serta masyarakat keseluruhannya.</p>	6
<p>Bagi yang terkesan dengan wabak ini, janganlah mengambil jalan mudah dengan memudarat dan menyakiti diri sendiri. Kita mestilah berjiwa besar, sabar dan kuat mental serta fizikal berasaskan keimanan yang mantap.</p>	7



Marilah sama-sama kita memperbanyakkan selawat ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW kerana perintah Allah dalam firman-Nya :	8
قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾	9
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَن أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.	10
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.	11
اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ. وَانصُرْنَا عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ.	12
اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ، وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةَ،	13
جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ، سُلْطَانَ سَلَاطِينِ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج.	14



<p>اللَّهُمَّ أَدِّمِ الْعُونَ وَالْهَدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِي عَهْدِ سَلَاطُونِ، تَغْكُو أَمِيرِ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانِ شَرْفِ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ،</p>	15
<p>فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمُؤَظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.</p>	16
<p>Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha Berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan rahmat dan keberkatan kepada negeri ini yang terus sejahtera dan maju, serta rakyatnya bersatu padu, dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai Ketua Agama Islam di negeri ini.</p>	17
<p>Ya Allah, jadikanlah kami ini hamba-hamba-Mu yang sentiasa meninggikan kalimah dan Agama-Mu. Hindarilah kami dari kelompok dan golongan yang suka mencela, mencaci dan menghina Agama-Mu</p>	18
<p>Ya Allah, kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan menginfakkan harta pada Tabung Infak Jariah Umat Islam Selangor (TIJARI) dan kepada anak-anak yatim melalui Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE).</p>	19



اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، اِدْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرَضَ وَالشَّدَائِدَ وَالْمِحْنَ، بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ وَبِالْإِجَابَةِ جَدِيرٌ.	20
رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿٣١﴾.	21
عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩١﴾	22
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.	23